



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

**KETUA EKSEKUTIF
CHIEF EXECUTIVE**

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
Skills Development Fund Corporation
Kementerian Sumber Manusia
Ministry of Human Resources
Pejabat Ketua Eksekutif
Aras 27, Menara Dato' Onn
Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL)
No. 45, Jalan Tun Ismail, 50530 Kuala Lumpur



Telefon : 03 – 4051 6009
E-mel : skillsfund@ptpk.gov.my
Laman Web : <http://www.ptpk.gov.my>

Ruj. Kami : PTPK.P&P.100-1/4/1 (58)

Tarikh : 30 Disember 2025

**Ketua Eksekutif/Pengarah/Pengurus
Penyedia Latihan Berdaftar Dengan PTPK**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN PEMBUKAAN PENDAFTARAN PELATIH SECARA DALAM
TALIAN BAGI PERMOHONAN PINJAMAN LATIHAN KEMAHIRAN TAHUN
2026 BAGI PENYEDIA LATIHAN AWAM DAN SWASTA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Pendaftaran dan Agihan (JPPA) bilangan 14 tahun 2025 yang bersidang pada 12 Disember 2025 telah bersetuju bahawa sesi pendaftaran pelatih secara dalam talian bagi permohonan pinjaman latihan kemahiran bagi tahun 2026 **akan dibuka bermula pada 9 Januari 2026 sehingga 28 Februari 2026 (sesi pertama) berdasarkan prinsip kriteria pengagihan first come first serve basis.** Agihan dana kepada Penyedia Latihan adalah tertakluk kepada pematuhan kriteria dan syarat asas bagi mendapatkan kemudahan pinjaman daripada PTPK seperti berikut:

- i. Tempoh pendaftaran PL **masih aktif dengan PTPK**;
- ii. PL **bebas daripada tindakan pembekuan** bayaran atau penguatkuasaan PTPK;
- iii. PL bebas daripada tindakan penguatkuasaan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK);
- iv. **Mengemukakan penempatan pelatih** di syarikat bagi setiap program;
- v. **Program latihan** kemahiran adalah **berstatus aktif** dalam pangkalan data PTPK;
- vi. Program latihan dengan **menggunakan kod NOSS baharu** sahaja. Pembiayaan program latihan dengan kod NOSS yang telah dijumudkan tertakluk kepada kelulusan PTPK;

- vii. Program latihan kemahiran bebas daripada sekatan pengambilan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran;
- viii. Hanya terbuka kepada Program Latihan Kemahiran di bawah Kategori Impak Tinggi, Sederhana dan Rendah;
- ix. **Prestasi Bayaran Balik Pinjaman** Program Latihan adalah **melebihi 25%**;
- x. **Tiada rayuan permohonan pendaftaran lewat atas talian.** Tiada Kos Sara Hidup (sekiranya ada) bagi tempoh kelewatan;
- xi. **Tiada rayuan lewat dokumen** bagi permohonan pinjaman yang diluluskan di bawah dana ini;
- xii. **Penambahan kapasiti** hanya boleh **diguna pakai pada sesi permohonan yang berikutnya**;
- xiii. Mendapat **sekurang-kurang penarafan 3 bintang** berdasarkan Penilaian Prestasi JPK bagi setiap program yang dimohon; dan
- xiv. Pengurusan permohonan pinjaman latihan adalah secara atas talian sepenuhnya.

3. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan semua urusan permohonan pinjaman latihan kemahiran secara dalam talian berjalan lancar, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah diingatkan supaya mengambil perhatian terhadap perkara ini. Kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.


Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pekerja Kesuma Bangsa"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD FATHULLAH BIN MUSTAFA)

Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran

Kementerian Sumber Manusia